

03 DEC 1999

LIMA '99: DR MAHATHIR TERIMA TABIK HORMAT PERBARISAN MARITIM

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima tabik hormat perbarisan maritim yang diadakan sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 99') yang masuk hari keempat hari ini.

Perbarisan membabitkan 12 kontinjen itu diadakan mengikut tradisi tentera laut yang diamalkan di seluruh dunia tetapi telah turut diserikan dengan tarian kebudayaan.

Yang turut hadir pada perbarisan yang diadakan di depan kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan orang-orang kenamaan lain.

Kira-kira 500 anggota tentera laut dari Malaysia, Britain, Perancis, Singapura, Indonesia, Bangladesh, Pakistan dan Amerika Syarikat mengadakan perbarisan itu dari Dataran Lang ke sebuah hotel berdekatan, sejauh kira-kira 3km.

Lebih 1,000 penonton menyaksikan persembahan pelbagai kontinjen itu.

-- BERNAMA

NH RHM